


MODEL INTEGRASI WAKAF & IJARAH UNTUK PEMBANGUNAN SEKOLAH TAHFIZ SWASTA (MIWI 4 TAHFIZ)

Asmadi Mohammed Ghazali, Noor Syahidah Mohamad Akhir, Azrul Shahimy
Mohd Yusof, Rohayati Hussin & Muhammad Saiful Islam Ismail
UiTM Cawangan Kedah

ABSTRAK

Pandemik Covid-19 telah memberi kesan kepada kepelbagaian sektor di Malaysia. Antara sektor yang terkesan ialah sektor pendidikan khususnya institusi pendidikan swasta seperti Sekolah Tahfiz Swasta (STS) yang terpaksa ditutup rentetan ketiadaan pelajar dan kekangan pusingan dana kewangan untuk tadbir urus sekolah. Justeru, inovasi model ‘MIWI 4 TAHFIZ’ diperkenalkan sebagai salah satu solusi yang boleh dipraktikkan oleh badan-badan tertentu di Malaysia. Model ini mengetengahkan kaedah wakaf sebagai salah satu cara di dalam perkembangan ekonomi Islam. Wakaf yang dikembangkan melalui kaedah *ijarah* (sewaan) dilihat dapat memberi pulangan yang besar di dalam pengembangan manfaat wakaf untuk kegunaan kebanyakan pihak. Justeru, inovasi model ‘MIWI 4 TAHFIZ’ dicadangkan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk perlaksanaan projek jangka masa panjang di dalam pembinaan sekolah tahfiz wakaf yang produktif dan memberi impak kepada bidang pendidikan tahfiz negara. Penubuhan Unit Perniagaan Strategik (SBU) di bawah pentadbiran dan kawalan MAIN dilihat mampu memberi sinergi di dalam aspek pengurusan khususnya kepada aktiviti perniagaan untuk menghasilkan dana. Gabungan kerjasama antara MAIN, SBU, syarikat korporat dan institusi kewangan mampu merealisasikan perkongsian pintar. Melalui hasil kolaborasi strategik di dalam pengaplikasian integrasi wakaf dan *ijarah*, maka penubuhan sekolah tahfiz wakaf negeri berkonsepkan perkampungan perniagaan (*Business Village*) mampu diinovasikan. Persekitaran ini dipercayai berkeupayaan untuk beroperasi setanding dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang lain. ‘MIWI 4 TAHFIZ’ dilihat mampu memberi nafas baharu bukan sahaja dalam sektor pendidikan, malah memberi impak positif kepada masyarakat, agama dan ekonomi negara.



PENERANGAN PRODUK

Produk ini merupakan sebuah binaan model iaitu ‘MIWI 4 TAHFIZ’. Model ini merupakan gabungan elemen wakaf dan *ijarah* di dalam pembangunan Sekolah Tahfiz Swasta (STS). Ia dapat dijadikan sebagai solusi untuk membantu penjaan dana bagi mengatasi masalah kewangan serta membantu tadbir urus pembangunan dan pengurusan STS. Peranan wakaf yang dikembangkan menerusi kaedah *ijarah* dapat dilestarikan dengan gabungan Unit Perniagaan Strategik (SBU) demi memastikan keutuhan dalam aspek perniagaan. Persekitaran ‘*Business Village*’ merupakan sebuah kawasan berpusat (*one stop center*) yang menempatkan sebuah STS yang berorientasikan wakaf. Pada masa yang sama, ‘*Business Village*’ juga menjadi pusat janaan ekonomi yang memiliki aset seperti rumah kedai, *homestay*, dewan serbaguna, pertanian dan penternakan. Hasil *ijarah* (sewaan) terhadap aset-aset wakaf tersebut, mampu menjana pendapatan yang disebut sebagai manfaat wakaf. Manfaat wakaf akan memberi keuntungan jangka panjang kepada MAIN, syarikat korporat (*developer*) dan STS itu sendiri. Manfaat kepada tiga pihak ini adalah hasil persetujuan bersama yang dimeterai sebelum projek dijalankan untuk jangka panjang. Secara langsung kelestarian institusi STS dapat diperkasa setanding dengan institusi pendidikan lain.